



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN**

***FLOUROSKOPI
(UMUM)***

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:.....PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Pemeriksaan Flouroskopi.

1. Apakah itu Fluoroscopi?

Ia merupakan teknik X-ray pengimejan yang digunakan untuk memperoleh imej bergerak (*'real time'*) bagi organ dalaman pesakit melalui penggunaan mesin Fluoroscopi dengan atau tanpa agen kontras media.

2. Apakah kegunaan pemeriksaan Fluoroscopi yang dilakukan?

Biasanya merujuk kepada saluran gastrointestinal (*barium swallow*-esofagus, *barium meals*-gaster, *barium enema*-usus besar). Agen kontras media seperti barium selalunya diberikan secara oral atau melalui anus bergantung kepada pemeriksaan.

3. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur Fluoroscopi dilakukan?

Semua jenis prosedur Fluoroscopi terdedah kepada risiko radiasi terhadap pesakit. Walau bagaimanapun, setiap prosedur yang dilakukan dinilai dari segi risiko dan kelebihan terhadap pesakit. Kadar dos radiasi rendah dipraktikkan untuk mengurangkan dos kepada pesakit.

4. Perlukah saya berpuasa sebelum menjalani prosedur Fluoroscopi?

Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu akan menerangkan prosedur tersebut kepada anda semasa tarikh janjitemu diberikan. Anda juga perlu memberitahu Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu sekiranya anda mengandung.

Persediaan pesakit sebelum pemeriksaan Flouroskopi.

Pemeriksaan Kerongkong, Perut dan Usus kecil:

Anda diminta tidak mengambil sebarang jenis ubat pada hari pemeriksaan.

Anda diminta tidak mengambil makanan selepas pukul 10 malam, sehari sebelum pemeriksaan.

Pemeriksaan akan mengambil masa dari 1 hingga 3 jam. Jika pemeriksaan lanjut diperlukan, anda mungkin dikehendaki menunggu sehingga 7 jam atau datang semula pada keesokan harinya.